

Program Sijil Pengajian Islam Tulab Education

Sijil Pengajian Islam ini dilaksanakan secara separuh masa. Pelajar perlu menamatkan 144 jam kredit (4 modul) selama setahun, yang terdiri daripada,

- Sijil Fiqh Kontemporari (36 jam)
- Sijil Usul Fiqh (36 jam)
- Sijil Ilmu Quran dan Tajwid (36 jam)
- Sijil Ilmu Hadis dan Hadis-hadis pilihan (36 jam)

Peserta harus menamatkan 4 modul dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk berjaya dalam pengajian.

Syarat Kemasukan & Yuran

- Berumur 16 Tahun ke atas
- Boleh membaca al-Quran
- Yuran \$65 sebulan

Alamat Kami

Tulab Educatuin & Services
Centropod 80 Changi Road
#04-07
Singapore 419715

Phone: 8920 3938

Website: www.tulab.sg

Email : tulabonline@gmail.com



SIJIL PENGAJIAN ISLAM TULAB EDUCATION



Modul-Modul Yang Disediakan

Modul Usul Fiqh



Modul ini bertujuan menjelaskan kepada pelajar sumber-sumber pengambilan hukum seperti al-Quran, al-Sunnah, Ijma', Qias dan sebagainya. Ianya juga menjelaskan metodologi pengambilan hukum dan cara meneliti dan memahami nas-nas syarie'.

Kefahaman tentang ilmu ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang hukum-hukum syariat dan dapat mengelakkan kesalah-fahaman terhadap prinsip-prinsip dan undang-undang syariat. Ilmu ini juga dapat membantu seseorang menilai sesuatu pendapat atau hukum adakah ianya selari dengan syariat Islam atau sebaliknya.

Modul Ilmu Quran dan Tajwid



Modul ini menjelaskan sejarah permulaan al-Quran dari masa ianya diturunkan buat pertama kali hinggalah ianya sempurna. Ia juga menjelaskan jenis-jenis ayat makki, madani, dan sebagainya. Modul ini juga akan mendedahkan cara pembacaan Al-Quran berserta asas Tajwid untuk menerapkan pembacaan yang tepat pada pelajar. Subjek Tafsir dalam beberapa surah pilihan akan dipelajari juga.

Di akhir modul ini diharapkan keyakinan pelajar bertambah kuat tentang pemahaman al-Quran dan pemeliharaan Allah s.w.t. terhadap kesucian dan ketulenan al-Quran.

Modul-Modul Yang Disediakan

Modul Ilmu Hadis dan Hadis-Hadis Pilihan



Matlamat modul ini ialah mendedahkan para pelajar kepada kaedah-kaedah penting untuk mengetahui hal-ehwal perawi dan nas-nas hadis yang diriwayatkan. Ia menjelaskan bagaimana ulama mengkatogerikan pelbagai jenis hadis dan martabatnya. Selain itu beberapa hadis pilihan juga akan dikupas untuk menguatkan kefahaman pelajar tentang isi hadis.

Di akhir modul ini diharapkan pelajar dapat memahami hadis dan mengenal pelbagai jenis hadis, pengambilan hukum dan menghargai jasa ulama hadis dalam memelihara sunnah Rasulullah s.a.w.

Modul Fiqh Kontemporari



Matlamat modul ini menjelaskan kepada pelajar konsep ibadah dan muamalat dalam Islam, prinsip-prinsip, tatatertib dan pertaturan, disamping penjelasan tentang jenis-jenis yang dilarang dan bertentangan dengan syariat Islam.

Di akhir modul ini diharapkan pelajar lebih peka dalam beribadah dan mampu membuat penilaian dari perspektif Islam dalam pelbagai jenis urusan yang dilakukan dalam kehidupan sehariannya khasnya dalam konteks kehidupan di Singapura.

Penilaian Pengajian & Kehadiran

Penilaian ujian secara tulisan dibuat pada akhir setiap modul. Pelajar perlu menghadiri sekurang-kurangnya 80% dari waktu pengajian setiap modul . Jika kehadiran pelajar kurang dari 80% pelajar tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan. Peraturan dan gred penilaian seperti berikut .

PERATUSAN	GRED
90-100	A
70 - 89	B
60 - 69	C
50 - 59	D
0 - 49	E

Jalur Pengajian

Peserta yang berjaya menamatkan pengajian Sijil Pengajian Islam ini berpeluang untuk meneruskan pengajian mereka ke program separuh masa Sijil Pengajian Islam Lanjutan Syukran International.